

Sebab-sebab Berlakunya Gejala Sosial di Kalangan Remaja

Masalah gejala sosial di kalangan remaja kerap menjadi perbincangan di media massa. Isu gejala sosial ini didapati semakin bertambah setiap tahun. Pada pendapat saya, isu ini tidak boleh dipandang ringan dan langkah-langkah untuk membanteras gejala sosial perlu dilakukan dengan segera. Isu ini harus ditangani dengan segera kerana ia boleh menjejaskan kualiti remaja yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa akan datang. Sebenarnya terdapat beberapa sebab berlakunya gejala sosial di kalangan remaja.

Faktor diri remaja sendiri merupakan sebab berlakunya gejala sosial. Kebanyakan remaja yang terlibat dalam gejala sosial tidak mempunyai (1) _____. Mereka tidak takut pada dosa dan pembalasan Tuhan di atas perbuatan mereka. Remaja terbabit juga biasanya tidak sembahyang dan mengingkari perintah agama yang lain. Mereka berpendapat bahawa kehidupan masa remaja perlu diisi dengan (2) _____.

Sikap ibu bapa juga boleh menyebabkan remaja terjerumus dengan gejala sosial. Terdapat ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang kebajikan dan kasih sayang terhadap anak-anak. Sesungguhnya, anak-anak amat memerlukan (3) _____. Ibu bapa di bandar contohnya, begitu sibuk dengan kerjaya bagi menambahkan pendapatan sehingga anak-anak terabai dan tidak mendapat kasih sayang yang secukupnya. Sikap ibu bapa ini menyebabkan anak-anak tidak mendapat perhatian yang sewajarnya lalu mereka melakukan (4) _____ untuk menghilangkan kebosanan dan tidak kurang juga ada yang melakukannya semata-mata untuk (5) _____ daripada ibu bapa mereka.

Pengaruh rakan sebaya juga boleh mendorong remaja terlibat dalam gejala sosial. Disebabkan faktor pergolakan keluarga di rumah, remaja cenderung untuk berjumpa rakan sebaya bagi mencari ketenangan dan kegembiraan. Sebahagian daripada rakan sebaya ini pula adalah mereka yang mempunyai (6) _____. Oleh itu, remaja begitu mudah terikut-ikut dengan sikap rakan sebaya mereka. Apabila bersama rakan sebaya, remaja cenderung untuk melepak di (7) _____ dan mendapatkan hiburan di pusat-pusat hiburan. Sesungguhnya, sikap remaja akan menjadi semakin negatif apabila tiada teguran dan nasihat daripada ibu bapa.

Sikap masyarakat yang tidak mengambil berat tentang permasalahan remaja juga menjadi faktor penyebab. Masyarakat hari ini cenderung untuk bersikap (8) _____ dan tidak mahu 'menjaga tepi kain orang'. Bagi pendapat sesetengah masyarakat pula, pihak yang perlu mengatasi masalah remaja ialah (9) _____ sahaja. Oleh itu, tidak hairanlah jika ada remaja yang menagih dadah berdekatan dengan tempat tinggal mereka tetapi langsung tidak dipedulikan oleh masyarakat kerana mereka berpendapat bahawa pihak kerajaan sahajalah yang perlu menanganinya. Sikap masyarakat yang tidak ingin mengambil tahu tentang hal orang lain pasti akan menggalakkan lagi gejala sosial di kalangan remaja.

Pengaruh media massa terhadap para remaja sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Remaja cenderung untuk melakukan perkara yang pernah didengar atau dilihat di media massa kerana remaja mempunyai naluri ingin mencuba. Sebenarnya sikap ingin mencuba ini adalah sikap yang baik tetapi bukan semua perkara boleh dicuba sewenang-wenangnya.

Sesungguhnya, media elektronik seperti stesen televisyen dan internet telah banyak mempengaruhi (10) _____ para remaja dalam hal ini. Oleh itu, pihak media massa seharusnya mengkaji tentang baik buruk sesuatu program sebelum ia ditayangkan kepada umum.

Daripada perbincangan di atas, jelaslah bahawa terdapat beberapa sebab berlakunya gejala sosial di kalangan remaja. Pada pendapat saya, disebabkan remaja adalah (11) _____ pada masa hadapan, maka langkah mengatasi permasalahan ini patut diambil dengan segera. Pihak kerajaan yang mempunyai autoriti dalam negara perlu menjalankan (12) _____. Jika perlu, tindakan berbentuk undang-undang perlu dibuat demi kebajikan masyarakat dan negara pada masa hadapan. Jika semua pihak dapat (13) _____ menangani masalah ini, saya pasti negara akan bertambah maju dan berjaya pada masa hadapan serta melahirkan remaja yang mempunyai (14) _____ dan tidak terlibat dalam (15) _____ serta sentiasa berpegang kepada (16) _____.

<p>pihak kerajaan 政府 sikap negatif 消极态度 aset negara 国家资产 pelbagai program kesedaran 各种醒觉活动 berganding bahu 携手合作 jati diri yang kuat 坚强的自我 gejala sosial 社会问题 nilai-nilai murni 高尚价值观</p>	<p>hiburan dan keseronokan semata-mata 纯粹的娱乐与快乐 perkara-perkara negatif 负面行为 perhatian daripada ibu bapa 父母的关注 kasih sayang daripada ibu bapa 父母的爱 didikan agama dan moral yang mendalam 深厚的宗教与道德教育 perangai negatif 负面的性格 pusat-pusat membeli-belah 购物中心 individualistik 个人主义</p>
---	---